

14/08/2004

Tudung manis Rosshidayu bawa buah

By Haswari Ali

TEKA-TEKI siapakah pendengar Radio Era tercantik 2004 berakhir dengan terpilihnya Rosshidayu Awang Teh, 25, dari Kelantan yang dinobatkan sebagai juara.

Beliau berjaya mengetepikan sembilan peserta lain di hadapan hadirin yang memenuhi ruang legar Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada pertandingan akhir Puteri Era Neucare T3, baru-baru ini.

Dengan menjadikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai inspirasi dalam mengejar cita-cita dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), gadis ayu ini mampu tersenyum riang apatah lagi dia satu-satunya peserta bertudung petang itu.

Malah, faktor bertudung bukanlah penghalang untuknya menunjukkan kemahiran menarikan tarian Asyik dari Kelantan yang lemah gemalai di depan empat juri profesional bersama busana tradisional kuning diraja yang dipakainya.

"Inilah kali pertama saya menyertai dalam pertandingan seumpama ini. Tentu saya terkejut dengan kejayaan ini kerana peserta lain memang hebat-hebat," katanya kepada i-Kon.

Bertugas sebagai pegawai sistem maklumat di Universiti Malaya (UM), Rosshidayu berjaya membawa pulang wang tunai RM8,000, produk kecantikan Neucare T3 bernilai RM3,000 serta sejambak bunga.

Katanya, hadiah wang tunai yang diterimanya itu akan digunakan bagi membiayai kos pengajian dalam bidang Sarjana Muda Sains Komputer, UM.

Sebanyak 70 peratus markah dinilai juri profesional yang terdiri daripada Pengurus Besar Radio Era, Kudsia Kahar; editor majalah Media Hiburan, Norman Ahmad Radzuan; wakil Neucare T3, Datuk Anis Ahmad serta pelakon popular, Juliana Banos. Manakala 30 peratus undian lagi dipilih pendengar radio Era melalui laman web [www.era.fm](http://www.era.fm).

Sementara itu, tempat kedua dimenangi Roslinda Embran, 19, dari Selangor. Beliau membawa pulang RM4,000 bersama produk Neucare T3 bernilai RM1,000.

Roslinda mengakui tidak mempunyai banyak masa untuk membuat latihan persembahan tradisional lalu menghadihkan penonton dengan kemahiran bermain gitarnya bersama lagu Ulek Mayang.

Gadis kecil molek yang aktif dalam bidang sukan, Norzalina Mohd Sudin, 24, pula berjaya menempatkan diri di tempat ketiga dengan membawa pulang RM4,000 selain hamper Neucare T3 bernilai RM500.

Turut diperkenalkan kategori Puteri Wajah Berseri yang dibolot Hasmin Nahazabab, 19, dari Butterworth. Beliau membawa pulang wang RM500 serta produk kecantikan Neucare T3 bernilai RM500.

Pencarian Puteri Era Neucare T3 bermula sejak Julai lalu dengan penyertaan lebih 250 peserta. Ia diikuti sesi uji bakat terbuka pada 11 Julai lalu di Bukit Bintang Plaza.

Seramai 32 gadis dipilih ke pusingan separuh akhir yang diadakan di 1 Utama pada 17 Julai lalu sebelum berjaya mara ke peringkat akhir, 8 Ogos lalu.

Pertandingan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pakaian kasual, persembahan tradisi serta sesi soal jawab bersama pakaian gaun petang serba anggun. Majlis turut diserikan dengan persembahan Siti Sarah dan Reshmonu serta penampilan pelajar Akademi Fantasia (AF), Anding dan Edlin.

(END)